

## **Bab 3**

### **PILIHAN RAYA 1999 : Isu dan Kempen**

Pilihan raya ke 10 negara kita diadakan pada 29 November 1999, namun ketua pembangkang, Lim Kit Siang daripada parti DAP meramalkan bahawa pilihan raya ke 10 ini diadakan pada minggu ketiga Januari 2000 iaitu selepas Hari raya Puasa. Beliau menambah pilihan raya tidak akan diadakan selepas Januari 2000 kerana BN tidak menggunakan senarai pemilih terbaru yang mengandungi 650,000 pengundi, kebanyakan terdiri dari golongan muda.<sup>1</sup> Perdana Menteri tidak akan membubarkan Parlimen dalam tempoh terdekat kerana beliau mengambil masa yang lama untuk mengekalkan majoriti 2/3 dalam pilihan raya akan datang.<sup>2</sup> Akhirnya, Parlimen dibubarkan pada 11 November 1999, khamis, dan ianya diumumkan oleh Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail serta bersamaan dengan Belanjawan 2000.

Alasan yang digunakan akibat pindaan tarikh pilihan raya, antaranya pilihan raya perlu diadakan sebelum Ramadan (9 Disember 1999) bagi mengelakkan perkara-perkara tidak baik kerana pada bulan itu perbuatan fitnah, pembohongan dan menyalahkan masjid sebagai tempat untuk tujuan ceramah politik.

"Apabila kita berpuasa tidak ada lagi perbuatan yang kadang-kadang hampir tidak siaman untuk mendapatkan sokongan politik," kata Perdana Menteri<sup>3</sup>

Pembatalan lawatan Perdana Menteri ke Afrika Selatan untuk CHOGM, telah mendatangkan tanda tanya di kalangan penganalisis politik. Selain itu, keghairahan pembangkang untuk memporakperandakan politik negara. Misalnya GERAK, merupakan pakatan yang turut dianggotai badan-badan bukan kerajaan

(NGO), merupakan pakatan pembangkang yang awal semasa pilihan raya. dan bertujuan untuk mencari keadilan dan menuntut ISA dimansuhkan.<sup>4</sup>

"Kita mengadakan pilihan raya kerana ia adalah perkara penting bagi menentukan siapa yang akan memerintah. Kita tidak akan mengadakan pilihan raya untuk memuaskan kehendak media. Saya tidak kira sama ada popular atau tidak, yang penting bagi saya ialah negara ini akan mendapat kerajaan yang bagus," kata Dr. Mahathir Mohammad ketika ditanya sama da beliau akan melepaskan kawasan Perlimen Kubang Pasu yang dipegangnya sejak 1978."<sup>5</sup>

Perjalanan Pilihan Raya 1999, mengikut Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Omar Mohd Hashim:

"Adalah menjadi dasar SPR untuk menerima percalonan semua calon yang layak berkhidmat untuk negara ini,".

Tarikh Pengumuman Kerajaan	-	10 November 1999.
Tarikh Pembubaran Parlimen	-	11 November 1999.
Tarikh Writ dikeluarkan	-	13 November 1999.
Tarikh notis diwartawakan	-	15 November 1999.
Tarikh penamaan calon	-	20 November 1999.
Tarikh pengundian	-	29 November 1999.

Bagi tujuan melincinkan perjalanan pilihan raya, Suruhan Jaya Pilihan Raya (SPR) telah meletakkan pegawai yang bertanggungjawab di kawasan (kcm) penyerahan untuk memastikan tiada penyelewengan. Sementara itu, kerjasama daripada Jabatan Pendaftaran Negara juga digunakan untuk memastikan tiada lagi senarai nama pengundi yang telah meninggal dunia.

Kepada pengundi-pengundi pula, SPR menasihatkan mereka menyemak nama daftar pemilih. Semakan boleh dibuat di Ibu Pejabat SPR, Pejabat-pejabat pemilih pilihan raya negeri, *web site*, talian *hotline* serta *info line* SPR. Sebelum urusan pembersihan seramai 9,694,071 daripada 9,694, 156, iaitu seramai 130, 085 pengundi tidak layak. Sementara itu, kepada pihak majikan di seluruh negara, baik awam mahupun swasta, mereka turut di seru supaya memberi peluang masa yang munasabah untuk pekerja membuang undi. SPR juga meminta agar semua media massa sama ada cetak atau elektronik memberi peluang dan membuat liputan yang saksama serta adil kepada parti-parti politik yang bertanding, sesuai dengan prinsip demokrasi yang diamalkan di negara ini.<sup>6</sup>

Pembangkang tidak puas hati dengan tempoh singkat antara pembubaran Parlimen dengan hari pilihan raya iaitu selama 9 hari, yang dirasakan terlalu singkat untuk memulakan strategi. Tetapi, jika diteliti bahawa sebenarnya pihak pembangkang ini telah sedia sejak dahulu lagi. Mereka telah memonopoli semua bentuk media telekomunikasi yang ada di Malaysia kecuali kegiatan mereka agak minima melalui keterlibatan dalam kaca televisyen. Parti-parti pembangkang telah mendahului kempen tidak rasmi sejak kira-kira dua tahun dahulu semasa pemecatan Anwar Ibrahim.<sup>7</sup>

Jadual dibawah memberi penjelasan tentang perbezaan hari antara tarikh pembubaran/ penamaan calon dan penamaan calon/ pembuangan undi pada pilihan raya umum

**Jadual 12:Perbezaan hari antara tarikh pembubaran/ penamaan calon dan penamaan calon/ pembuangan undi pada pilihan raya umum.**

Tahun	Tempoh bubar/ Penamaan calon	Tempoh penamaan calon/ Pengundiaan	Jumlah hari
1959	18	35	53
1964	17	35	53
1969	23	28	51
1974	8	16	24
1978	9	17	26
1982	9	15	24
1986	5	9	14
1990	7	10	17
1995	10	10	20
1999	9	9	18 <sup>*</sup>

Sumber : *MASSA*, 20 November 1999, 'Tak Puas Sembilan Hari', hlm. 15.

Pilihan Raya 1999 menyaksikan satu kawasan Parlimen (Bentong, Sarawak) dan satu kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN-Tangkak, Johor) dimenangi oleh BN tanpa bertanding, rebutan tertumpu 192 kawasan Parlimen dan 393 kawasan DUN bertanding dengan satu lawan satu. Pertandingan tiga penjurua pula melibatkan 37 kawasan dan 25 negeri manakala empat penjurua di dua kawasan Parlimen. Hanya satu kawasan Parlimen menyaksikan pertandingan lima penjurua. Beberapa orang tokoh yang akan bertanding pada mulanya telah menarik diri seperti Datuk Harun Din yang mencabar Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dan Datuk Seri Shahidan Kassim, begitu juga dengan Anwar Ibrahim yang dikatakan akan bertanding di Lembah Pantai.<sup>9</sup>

Sesetengah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha kerajaan yang telah digugurkan umpamanya Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek menjadi Timbalan Presiden MCA kedua yang mengundurkan diri seperti Datuk Lee Kim Sai. Menteri yang digugurkan ialah Datuk Abang Abu Bakar Mustapha (Pertahanan), Timbalan-timbalan Menteri pula ialah Datuk Wong See Wah (Kewangan), Dr. Afifuddin Omar (Sumber Manusia), Datuk K. Kumaran (Pembangunan Luar bandar) dan Dr. Goh Cheng Teik (Tanah dan Pembangunan Koperasi).<sup>10</sup>

Pilihan raya kali ini menampilkan 53 orang wanita dipilih sebagai calon, perlu diingat 53 peratus adalah pemilih wanita. 36 orang mewakili BN, 11 orang DAP dan 6 orang Keadilan. Pas tidak meletakkan calon wanita kerana tidak menyokong wanita terlibat dalam politik walaupun mereka boleh berkerjasama dengan kaum hawa.<sup>11</sup>

**Jadual 13: Jadual jumlah kerusi yang ditandingi dalam Pilihan Raya 1999**

Parti	Parlimen	Negeri
BN	193	394
PAS	62*	236*
KEADILAN	60*	69*
DAP	47	86*
PBS	17	-*
MDP	12	13*
STAR	5	-*
PRM	4	-*
AKIM	1	1*
BERJASA	1	-*
BEBAS	27	13* <sup>12</sup>

Sumber: *MASSA*, 27 November 1999, 'Pilihan raya paling sengit,' hlm. 14.

\* Kerusi Parlimen parti PAS- 63

\*Lain- lain parti mempunyai kerusi

\* Kerusi DUN parti PAS- 238

DUN- 25

\* Kerusi Parlimen parti Keadilan- 59

Lihat *Berita Harian*, 1 Disember

\* Kerusi DUN parti Keadilan- 67

1999.

\* Kerusi DUN parti DAP- 89

### Tinjauan pilihan raya di negeri-negeri di seluruh Malaysia

Sarawak merupakan negeri yang menjadi markas kuat BN dan kini mempunyai 28 kawasan pilihan raya Parlimen atau Dewan Rakyat termasuk kawasan Mambong yang diperkenalkan dalam Pilihan Raya 1999. Pengerusi BN, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, mengatur strategi untuk meletakkan calon BN di kawasan ini. Formula yang sama digunakan dalam pilihan raya 1995 apabila meletakkan calon langsung BN, Billy Abit Joo di Hulu Rejang.<sup>13</sup>

Kekuatan parti pembangkang termasuk Parti Keadilan masih diragui telah menubuhkan beberapa cawangan di kawasan majoriti penduduk Dayak dan merancang untuk bertanding di Kanowit, Selangor, Julau, Kapit dan Hulu Rajang. Parti Reformasi Sarawak (STAR) pimpinan bekas Naib Presiden Kanan SNAP, Dr. Patau Rubis. Parti-parti pembangkang yang turut serta ialah DAP, tidak langsung memberi saingan kepada BN4. Prestasi UMNO agak sukar di ukur kerana Sarawak merupakan satu-satu negeri di Malaysia yang tidak ada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), tunjang kekuatannya ialah Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak, bermula dengan Parti Bumiputera Sarawak (PBS) pimpinan Tun Rahman Ya'kub yang menguasai DUN pada pilihan raya umum 1969, politik Sarawak dimantapkan lagi apabila pemimpin parti Pesaka, Temenggung Jugah a/k Bareng mencadangkan kepada Tun Rahman supaya PBS dan Pesaka bersatu dan melahirkan PBB.

**Jadual 14: Pencapaian Parti-parti politik di Sarawak pada Pilihan Raya 1969-1995**

Parti	1969	1974	1978	1982	1986	1990	1999
BN	7	15	23	19	21	21	26
SNAP	9	9	-	-	-	-	-
PESAKA	2	Barisan Nasional					
SUPP	5	Barisan Nasional					
BEBAS	1	-	-	3	2	4	-
SAPO	-	-	1	1	-	-	-
DAP	-	-	-	2	1	2	1 <sup>14</sup>

Sumber: *MASSA*, 6 November 1999, 'Stabil Tanpa UMNO', hlm.21.

Manakala, BN Sabah semakin kukuh dan mantap kedudukannya setelah kejayaan menghalang kebangkitan Parti Bersatu Sabah (PBS) pada pilihan raya negeri yang lalu. Teraju kepimpinan di bawah Datuk Osu Sukam telah mengambil strategi untuk memperkemaskinikan taktik-taktik parti. BN dikatakan mampu menang besar di 8 kerusi Parlimen seperti di Papar, Beaufort, Marudu, Sipitang, Libaran, Sandakan, Silam dan Semporna. Kawasan-kawasan lain yang turut diintai ialah Kinabatangan, Kota Belud, Kinabalu dan Tawau, manakala bagi kawasan Gaya, Tuaran, Tenom dan Beluran yang mempunyai taburan penduduk seimbang antara Cina, Islam dan Kadazan menyaksikan percaturan antara PBS dan BN.<sup>15</sup>

Pilihan Raya Parlimen 1995, menyaksikan BN menang 12 daripada 20 kerusi yang dipertandingkan, manakala yang selebihnya dimenangi oleh parti pembangkang. Realitinya, keyakinan penyokong PBS semakin menurun, misalnya di Keningau yang merupakan kubu kuat parti itu akan digempur oleh parti-parti komponen BN khususnya UMNO pada pilihan kali ini. Dalam pilihan raya kali ini, UMNO Sabah bertanding di 10 kawasan Parlimen, Parti Maju Sabah (SAPP) 3 kawasan, UPKO, Akar Bersatu, Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRBS) masing-masing 2 kawasan dan Parti Liberal Demokratik (LDP) satu kawasan.<sup>16</sup>

Pendapat Osu Sukom selaku Pengerusi BN Sabah:

"Segala perkembangan yang berlaku menyebelahi kami dan kerjasama parti-parti komponen juga semakin baik," katanya.<sup>17</sup>

Daripada keputusan itu, UMNO Sabah telah menyapu bersih kesemua 24 kerusi yang diperuntukkan dalam pilihan raya Negeri Mac lalu, ini berikutan kerjasama erat parti-parti komponen BN di Sabah. Ketua bahagian Kinabalu, Tan Sri Kasitah Gaddam berani meramalkan bahawa BN Sabah mampu memungut 18 kerusi Parlimen jika segala perancangan dan strategi berjalan seperti yang dirancang.<sup>18</sup> Parti pembangkang selain PBS iaitu Parti Keadilan Nasional akan meletakkan 4 calon di kawasan majoriti bumiputera Islam pada pilihan raya ke-10.

Kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan ialah Semporna, Silam, Libaran dan Beaufort. Parti Demokratik Malaysia (MDP) pula akan bertanding di Sandakan. Parti Bersekutu juga tidak mahu ketinggalan untuk menyertai pilihan raya ini walaupun gsgsl meraih sebarang kerusi pada pilihan raya negeri Mac 1999.<sup>19</sup>

Manakala, di negeri markas Pas iaitu Kelantan pula, berdasarkan pilihan raya yang lepas, Pas menguasai 26 daripada 43 DUN dan 6 daripada 4 kerusi Parlimen di Kelantan. Pas berganding bahu dengan Semangat 46 (S 46) dibawah pertuanan Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li), kedua-dua parti ini bergabung membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Apabila S46 bergabung dengan BN pada 1996, maka BN mempunyai 8 kerusi Parlimen dan 17 kerusi DUN.<sup>20</sup>

Kemasukan Ku Li dalam UMNO Kelantan amat ditakuti oleh pemimpin Pas Kelantan kerana bimbang rahsia semasa Ku Li di dalam APU dibongkarkan untuk memenangi hati rakyat, ditambah dengan sokongan daripada istana yang

mengambarkan UMNO telah mendapat tempat di hati rakyat Kelantan. UMNO juga berkemungkinan akan mendapat sokongan undi daripada Pegawai Tadbir Negeri yang berada dibawah penguasaan istana kerana pihak istana berpengaruh terhadap Pegawai Tadbir Negeri (PTN) dan akan menentukan parti mana yang bakal berkuasa kelak.

Namun, harus diamati bahawa Pas tidak hanya akan tunggu dan lihat sebaliknya melipat gandakan usaha melalui siri ceramah-ceramah politik yang berlangsung setiap malam menjelang pilihan raya 1999 dan berakhir pada pukul 12.00 malam pada 28 November 1999, ditambah dengan ketokohan Nik Aziz Nik Pa, Pas yang amat dihormati dan disanjung. UMNO Kelantan juga tidak kurang hebat apabila lawatan Ku Li ke Pengkalan Chepa, yang merupakan satu-satunya kerusi Parlimen yang berjaya dipertahankan oleh Pas pada 1978 telah disambut baik.

Artikel tulisan Azman Anuar, bertajuk "*Pengaruh Ku Li dan Nik Azizi Akan Diuji*" mengulas beberapa strategi Pas untuk memantapkan barisan pertahanannya. Pilihan raya 1999 ini menunjukkan kepada kita bahawa Pas telah melantik muka-muka baru turun padang, rata-rata terdiri daripada golongan intelektual dan profesional muda, yang kadangkala terdiri daripada bekas orang UMNO juga.<sup>21</sup>

Pada pendapat saya, Pas agak keliru untuk memulakan strategik menyengatnya dengan menjalankan sesuatu cadangan secara tidak efektif dan menimbulkan tanda tanya di kalangan banyak pihak, ini mencerminkan kepada kita

bahawa Pas akan sanggup melakukan apa sahaja asalkan ia boleh memancing undi orang ramai.

Mengikut pemerhati politik dan selaku Setiusaha Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir:

" Gabungan Pas dengan DAP adalah satu kesilapan yang besar. Mungkin pemimpin Pas hanya memikir untuk mendapat simpati di pantai barat hingga tidak terfikir sensitiviti penyokong Pas di pantai timur."

"Pas banyak buat kesilapan, jawapan Pas terhadap isu-isu yang dibangkitkan sering tidak meyakinkan dan tidak dapat dijelaskan..."<sup>22</sup>

Beliau mengulas kenyataan Pas yang berpendapat UMNO kafir kerana berkawan dengan MCA dan MIC, tetapi persoalannya matlamat Barisan Alternatif ialah apabila memenangi pilihan raya 1999, Anwar Ibrahim akan dilantik menjadi Perdana Menteri, bercanggah dengan hasrat Fadzil Noor yang mempunyai niat yang sama dan perebutan jawatan Perdana Menteri yang terbuka kepada orang bukan Melayu.

Pas telah membuat kenyataan bahawa jawatan Perdana Menteri Malaysia terbuka kepada bangsa lain, dan di katakan selari dengan Artikel 143 Pelembagaan Malaysia, yang mengusul jawatan Perdana Menteri tidak mengira agama dan kaum. Hasrat ini ditujukan khas kepada DAP tetapi ternyata DAP tidak begitu berminat terhadap perkara ini. Lim Kit Siang yang dikatakan calon yang layak turut menyangkal dan mendakwa:

" Dalam realiti politik dan demografi di Malaysia, secara jelas saya tidak nampak diri saya akan menjadi Perdana Menteri Malaysia", kata beliau<sup>23</sup>.

Parti Keadilan juga tidak begitu bersetuju dengan cadangan ini,

"Memandangkan pada sejarah politik negara dan perkembangan pada sejarah politik negara dan perkembangan masyarakat berbilang kaum, jawatan Perdana Menteri buat dasarwarsa yang akan datang sudah tentu akan disandang oleh orang Melayu yang beragama Islam," ulas Timbalan Presiden Keadilan Dr. Chandra Muzaffar kerana berhasrat untuk melantik Anwar Ibrahim selaku Perdana Malaysia akan datang.<sup>24</sup>

Dr. Chen Man Hin, selaku Pengerusi DAP, menyifatkan kenyataan Pas sebagai melucukan dan Pas tetap mengekalkan keputusan melantik Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri. Walaupun Nik Aziz dan Fadzil sebelum ini pernah mengeluarkan kenyataan yang bercanggah tetapi sehingga kini tidaklah sampai ke tahap mengugat perpaduan di kalangan ahli parti itu.<sup>25</sup>

Pas yang selama ini mengatakan bahawa UMNO tidak dipimpin oleh ulama dan hanya dibolosi oleh orang sekular seperti Dr. Mahathir sendiri dituduh sebagai golongan anti ulamak. Berikut adalah ucapan balasan tuduhan Pas ke atas Perdana Menteri:

"... Saya terima ulama tetapi bukan semua yang mendakwa diri mereka ulama saya boleh terima. Saya dapati banyak orang mendakwa diri mereka ulama, sebenarnya mempunyai kepentingan lain daripada agama, iaitu kepentingan politik." katanya.<sup>26</sup>

Kedudukan UMNO di Terengganu agak membimbangkan. Adakah UMNO dan BN dapat mengekalkan kuasanya di negeri ini? Pilihan raya 1995 yang menyaksikan BN menguasai 7 daripada 8 kerusi Parlimen 25 daripada 32 kerusi DUN, manakala Pas hanya memiliki 1 kerusi Parlimen dan 7 kerusi DUN.

Pada mulanya UMNO yang menerajui BN negeri tidak akan memberi laluan mudah kepada Pas, namun kemenangan berpihak kepada Pas apabila mereka membekalkan senjata dengan terus menerus mencari kelemahan dalam pelan pembangunan yang dilakukan oleh Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, isu yang digembar-gemburkan ialah tempoh 25 tahun pemerintahan Wan Mokhtar Ahmad yang dirasakan terlalu lama. Perkara lain yang diperdebatkan ialah perubahan dan kemajuan yang dicita-citakan oleh rakyat Terengganu, misalnya

taraf hidup rakyat dikatakan masih rendah daripada aspek fizikal, pembaziran dan kemiskinan sebagai alasan yang sering digunakan.<sup>27</sup>

Strategi Pas Terengganu adalah membariskan 70 peratus muka baru yang mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan dan jawatan, sama ada guru pencen, doktor, bekas pensyarah hinggalah bekas Ketua Hakim Negara. Menambah kuatkan keadaan apabila barisan ini dipimpin oleh Timbalan Presiden Pas Pusat, Abdul Hadi Awang yang bertanding di Parlimen Marang dan DUN Pangkalan Berangan, Ketua Dewan Ulama Pusat, Harun Taib (DUN Manir) dan Penasihat Undang-undang Pas, Wan Abdul Mutalib Embong Bagi DUN Batu Buruk.<sup>28</sup>

Saya ingin mengimbau kembali taktik yang digunakan oleh Pas di Kelantan yang tidak banyak berbeza dengan Pas Terengganu, malah kemantapan mereka di negeri itu sukar ditandingi, kawasan-kawasan yang dirasakan sukar untuk dimenangi akan diberikan kepada *rakan kongsi*nya iaitu Keadilan, seperti kerusi Parlimen di Kota Bharu, Peringat dan Tanah Merah dan dua kawasan DUN Galas dan Paloh dalam Parlimen Gua Musang. Sementara itu, cantuman parti-parti serpihan Pas seperti Angkatan Keadilan Insan Malaysia (AKIM), Pas baru, Islah, Berjasa dan Hamim dalam Angkatan Insaf Rakyat (AIR) sukar menambat hati orang Kelantan.<sup>29</sup>

Bagi memantapkan jentera pentadbiran maka pelbagai program telah dijalankan oleh Pas seperti pelaksanaan sistem pemerintahan Islam, menaikkan gaji guru sekolah agama di bawah Yayasan Islam Kelantan,<sup>30</sup> memajukan sumber ekonomi negeri, membasmi kemiskinan, mewujudkan tabung untuk membantu penjaja dan peniaga kecil, menyegerakan pemberian hak milik tanah, dasar

perhutanan dan pembalakan, perumahan dan banyak lagi, namun kenapa Kelantan masih dihantui oleh gelora kemiskinan?.

Di utara Semenanjung Malaysia iaitu Kedah menyaksikan kehangatan bahang pilihan raya ke 10, antara kerusi-kerusi yang hangat diperkatakan ialah kerusi Anak Bukit/ Parlimen Pendang-Fadzil Noor, Datuk Shahnnon Ahmad menentang Hamid Othman di Parlimen Sik, manakala Parlimen Baling menyaksikan 'pertempuran' antara Azzamudin Taib (bekas Imam Besar Masjid Negara) dengan Bahadur Shah Mat Isa, Mohad Sabu menentang Dr Fauzi Abdul Hamid di Kuala Kedah.<sup>31</sup>

Pada saya, kawasan yang paling berdebar-debar untuk kita menunggu keputusannya ialah Kubang Pasu, yang menyaksikan perlawanan satu lawan satu antara Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammed menentang Ketua Penerangan Pas Pusat, Subky Latif. Namun rata-rata berpendapat:

" Pas sengaja menyediakan kubur untuk Subky yang sengaja menggali kubur sendiri," kata seorang pemerhati mengenai pertembungan satu lawan satu di Kubang Pasu.<sup>32</sup>

Di Perlis pula, Barisan Alternatif berkempen habis-habisan untuk menawan Perlis, negeri yang menjadi idaman mereka. Sasaran mereka adalah untuk menumbangkan Menteri Besarnya, Datuk Seri Shahidan Kassim. Kerusi Parlimen Arau dan Dewan Undangan Negeri, Pambu Tulang iaitu kawasan Shahidan Kassim. Sejak awal lagi, Datuk Harun Din menyatakan hasrat untuk menentang Shahidan Kassim di mana sahaja. Datuk Harun Din disebut-sebut akan diangkat sebagai Menteri Besar negeri itu jika Pas berkuasa. Dengan hanya 3 kawasan Parlimen, satu telah menjadi milik Pas, dan 15 kawasan DUN, Pas nampaknya *optimis* untuk menguasai Perlis.

Kawasan lain yang tidak kurang sengit persaingan semasa pilihan raya 1999 ialah Permatang Pauh dan Bukit Bendera yang telah menjadi fokus utama kawasan pilihan raya di Pulau Pinang. Disinilah dua pemimpin utama Barisan Alternatif bertarung menentukan masa depan parti dan diri mereka sendiri dalam politik. Mereka ialah Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang ingin mempertahankan kerusi Permatang Pauh yang dimenangi oleh suaminya Anwar Ibrahim, beliau dicabar oleh Datuk Dr. Ibrahim Saad.

Diikuti dengan Lim Kit Siang yang telah meninggalkan Tanjung Bunga dan bertanding di Bukit Bendera sebagai satu cubaan untuk menambahkan bilangan undi, beliau bertemu dengan Setiausaha Agung Gerakan iaitu Chai Kwang Chye. Kawasan lain ialah Kepala Batas yang ditandingi oleh Timbalan Perdana Menteri dan Jelutong oleh Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh.<sup>33</sup>

Manakala di Shah Alam, Selangor terus menerus menyaksikan persaingan hebat antara Datuk Ir. Mohamad Zin Mohamed menentang Mohd. Ezam Mohd. Nor (Ketua Pemuda Keadilan), pada pilihan raya lepas kawasan ini dimenangi oleh Datuk Salamon Selamat (BN) setelah menewaskan Hussein Ahmad dengan majoriti 40,715 undi. Keseluruhannya di Selangor termasuk Shah Alam, terdapat 13 calon BN yang bertanding untuk merebut 17 kerusi Parlimen akan ditentang oleh parti pembangkang dalam perlawanan satu lawan satu, empat lagi kawasan Parlimen menyaksikan perlawanan tiga penjurong antara Petaling Jaya Selatan, Petaling Jaya Utara, Klang dan Kapar.<sup>34</sup> Lembah Pantai menonjolkan persaingan antara Datuk Sharizat Jalil dan seorang peguam Zainur Zakaria. Parlimen Bandar Tun Razak

memperlihatkan Naib Presiden Keadilan, Dr. Chandra Muzaffar memilih untuk berentap dengan Datuk Tan Chai Ho.<sup>35</sup>

### Senario menjelang Pilihan Raya 1999

Perasaan curiga tetap berlaku apabila semasa pengundiaan dijalankan, misalnya penyokong BN dihalang mengundi dan berita turut dikomen oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi:

"Ini mungkin satu taktik mereka untuk menyusahkan orang ramai yang hendak keluar mengundi, terutamanya penyokong-penyokong BN." katanya.<sup>36</sup>

Kaedah yang digunakan seperti menyekat kenderaan yang membawa penyokong BN di Permatang Pauh untuk keluar mengundi, memaki hamun, menyorok pengundi-pengundi yang memasuki khemah BN untuk menyemak daftar pengundi. Ketua Polis Kuala Lumpur, memberi jaminan yang pilihan raya ke 10 ini akan dijalankan dengan sebaik mungkin mengikut lunas undang-undang.

"sekiranya perlu untuk meraikan kemenangan (perayaan) haruslah diadakan di ibu pejabat atau markas parti masing-masing, tamat tempoh kempen 12 tengah malam, ada penyokong parti-parti politik yang mengadakan perarakan menggunakan motosikal, kereta disekitar jalan Tunku Abdul Rahman dan Jalan Raja Laut." ujar beliau.<sup>37</sup>

Paling menyedihkan apabila ada penyokong parti-parti politik yang cuba memujuk pengundi supaya "memangkah" partinya.

"Acu ubah sekali," kata seorang wanita tua penyokong kuat Pas di pusat pengundian Sekolah Kebangsaan Kelulut, Marang.<sup>38</sup>

Menjelang pilihan raya, senario politik Malaysia diperhebatkan dengan kewujudan dua golongan. Golongan pertama yang saya maksudkan ialah mahasiswa, ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Tan Sri Ramli Ngah Talib yang berpendapat sepanjang berkempen, mahasiswa terbabit telah menyebarkan pelbagai dakyah untuk memburukkan kerajaan dan ia telah berjaya meracuni

pemikiran pengundi. Datuk Paduka Rafidah Aziz mengesyaki ramai mahasiswa yang didatangkan dengan sejumlah bas termasuk daripada Universiti Islam Antarabangsa.<sup>39</sup>

Bukan itu sahaja, rasa tidak puas hati terhadap kerajaan turut di luahkan oleh Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM). Menurut Presidennya, Iqbal Jusof @ Nordin berpendapat:

"Kami membuat keputusan ini berdasarkan penelitian dan perancangan yang sudah lama. Kali ini seluruh mahasisiwa sudah bersatu dan berganding bahu untuk menyuarakan rasa hati."<sup>40</sup>

Golongan kedua yang tidak kurang hebat ialah akhbar-akhbar asing yang sentiasa mencari masalah dan memburuk-buruk pemimpin negara. *Far Eastern Economic Review*, umpamanya dalam laporannya pernah membuat tinjauan pendapat 70 peratus orang Melayu yang tidak bersetuju dengan pemerintahan Perdana Menteri, termasuk juga pertubuhan hak asasi manusia seperti *Amnesty International* yang pernah menuduh BN mencabul hak-hak asasi manusia yang asas dalam laporannya.

Bagaimanapun kenyataan di atas tidak seratus peratus dipersetujui oleh Dr. Rashila Ramli, Pensyarah Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.:

"Kita boleh membuat spekulasi yang pelbagai. Saya kurang setuju jika ada yang menyatakan laporan media asing ini bertujuan untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat kerana kita lebih bijak untuk membuat penilaian sendiri," katanya.<sup>41</sup>

Memang betul pembacaan boleh mempengaruhi pandangan kita, persepsi kita bergantung kepada bahan bacaan yang kadangkala bersifat seperti artikel *Far Eastern Economic Review*.

### Tindakan parti pembangkang menjelang pilihan raya.

Terdapat segelintir pihak daripada parti pembangkang yang menimbulkan isu-isu yang telah menyebabkan keretakan kaum seperti tindakan Pas yang membuat helah politik pembangkang untuk mendapat undi orang bukan Melayu. UMNO sendiri sudah tentu tidak senang apabila bukan Melayu menjadi Perdana Menteri.

Bangsa Melayu akan kehilangan ketuanannya kerana kuasa Melayu akan terhapus jika UMNO tidak diberi mandat secukupnya oleh Melayu dalam pilihan raya umum akan datang dan 53 peratus penduduk adalah orang Melayu, sudah tentu perkara ini akan menjadi kontroversi. Pembangkang melihat UMNO sedikit tercalar dengan imej Dr. Mahathir yang dirasakan terancam setelah menyingkirkan Anuar Ibrahim. Dr. Mahathir bijak membaca kelemahan pembangkang, apatah beliau mempunyai kuasa untuk membubarkan Parlimen, ketika kemuncak kekuatan dan pembangkang dilanda kekalutan. Mood rakyat umpama pasang surut dengan insiden pertelingkahan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dengan Mursyidul Amnya, Datuk Nik Aziz Nik Mat dalam soal perebutan jawatan Perdana Menteri.<sup>42</sup>

Satu lagi ciri penting pilihanraya ialah persetujuan antara parti-parti pembangkang utama untuk mengadakan pakatan semasa pilihan raya. Pakatan tersebut merupakan tidak lebih daripada persetujuan pilihan raya anti-Perikatan sementara dan tidak ada percubaan untuk menyatukan ideologi yang berlainan. Pada bulan Mac 1968, DAP dan PPP membuat perjanjian untuk membahagikan kawasan pilihanraya di Perak. Pada Februari 1969, pakatan juga dibuat antara DAP dengan Gerakan. Pakatan ini menguntungkan Gerakan kerana memperolchi

kawasan di Pulau Pinang. Pada bulan April 1969, Pas mengumumkan akan menyokong dua calon Gerakan di Pulau Pinang dan akan berkempen untuk parti ini.<sup>43</sup>

Semasa pilihan raya kebangsaan tahun 1986, pakatan turut terjalin antara Pas dan DAP, kedua-duanya mengambil kesempatan dengan insiden Memali yang telah mengorbankan Ustaz Ibrahim Mahmud dan 14 pengikutnya. Hubungan yang baik ini melahirkan *Chinese Consultation Committee (CCC)* yang merupakan cawangan Pas untuk memancing undi dan minat orang bukan Melayu. CCC tidak berjaya kerana DAP merasa terganggu dengan dengan kuasa yang ada pada Pas dan takut-takut akan menjadikan Kelantan sebagai negara Islam.<sup>44</sup>

Barisan Alternatif yang diwakili parti-parti dominan pihak pembangkang seperti Pas, DAP, Keadilan dan sebagainya merupakan pakatan parti-parti pembangkang semasa Pilihan Raya 1999. Barisan ini sentiasa memantapkan barisan pertahanan, mereka mengambil beberapa strategi untuk dapat mengurangkan majoriti 2/3 kerusi BN dan pengaruh mereka akan kuat dengan persetujuan mengenai pembahagian kerusi iaitu Pas dengan 58 kerusi, Keadilan dengan 44 kerusi, DAP dengan 30 kerusi dan selebihnya untuk PRM, BN ditentang oleh calon berwibawa, orang kanan Dr. Mahathir akan ditumbangkan, sedia menghadapi gerak gembur BN dan mendedahkan rasuah dan penyelewengan.<sup>45</sup>

Usaha pemantapan dilakukan oleh pembangkang dengan memperkenalkan Belanjawan yang dirasakan akan menjadi tiruan pihak kerajaan. Misalnya Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang mendakwa cadangan pemansuhan lesen televisyen adalah cadangan Belanjawan Alternatif, tetapi kenyataan itu disangkal

pakar ekonomi Moehamad Izat yang agak kesal dan terperanjat berikutan tuduhan parti pembangkang yang menggangap Belanjawan 2000 bertujuan untuk meraih undi, sebaliknya ianya adalah belanjawan tulus untuk menolong rakyat Malaysia yang dihimpit masalah ekonomi.<sup>46</sup>

#### Cabaran pementapan UMNO/ BN menjelang Pilihan Raya 1999

Manifesto yang dipilih oleh UMNO dan BN adalah Bebas, Sepadu dan Maju kerana rekod cemerlang mentadbir negara selama 42 tahun. Manifesto ini berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bermaruah, kuat dan dipandang tinggi di arena antarabangsa. Berbeda dengan manifesto BA yang digubal secara panjang lebar nyata sukar untuk dilaksanakan kerana ia kerajaan kebajikan dan ini suatu yang sukar dilaksanakan kerana jika kebajikan rakyat sentiasa dijaga produktiviti rakyat menurun.<sup>47</sup>

BN turut melancarkan manifesto di Kelantan yang berbunyi Insan Cemerlang, Kelantan Gemilang (*Human Excellence, Glory for Kelantan*). Melalui manifesto ini 15 bentuk program telah dicadangkan sebagai tindakan untuk membangunkan Kelantan. Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li) telah mengesa penduduk Kelantan terutama bekas ahli S46 untuk memberi sokongan padu kepada UMNO. Pendapat Tengku Razaleigh

*"I appeal to those who were once my followers, including former Parti Melayu Semangat 46 members, to unite in our struggle."*<sup>48</sup>

Bagi menangkis tohmahan parti pembangkang, maka Ops 7M UMNO, yang mengandungi langkah untuk mengatasi masalah seperti memfitnah, membohong, memaki, mencarut, membenci, menyangka buruk dan menghasut

sudah sampai ke tahap yang benar itu salah yang salah itu benar. Ini turut diakui oleh Perdana Menteri yang mengatakan tahap ini telah menongkah ke tahap berbahaya dan membutakan mata rakyat.<sup>49</sup>

Insiden yang paling menarik dalam senario politik Malaysia menuju dekad 21, ialah kes Timbalan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim. Elok saya jelaskan serba sedikit perihal insiden ini yang mengegarkan ketenteraman politik negara. Melalui petikan akhbar Utusan Melayu bertajuk "*Haniff Omar pernah ingatkan perlakuan sumbang di luar tabii Anwar*".

Berikut adalah pendapat Perdana Menteri:

"Malah saya tidak mahu mempercayai kerana saya dapati amat sukar menerima tuduhan terhadap lelaki yang merupakan seorang yang warak," kata Perdana Menteri di sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri (JPM).<sup>50</sup>

Pada mulanya Perdana Menteri merasakan semua ini dicetuskan hasil perasaan cemburu, dan ianya memerlukan bertahun-tahun selepas insiden ini untuk mempercayainya setelah diperkukuhkan dengan bukti-bukti yang sah. Datuk Seri Anwar Ibrahim ditahan pada 20 September 1998 bersama-sama sebelas orang penyokong di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (KDN).<sup>51</sup>

Beliau yang ditahan berhubung 12 dakwaan termasuk tuduhan salah laku seks. Bagi saya tindakan yang tidak sewajarnya yang dilakukan oleh Anwar Ibrahim ialah 'memporak perandakan' pemikiran rakyat apabila membakar semangat penyokongnya ketika berucap pada perhimpunan di Masjid Negara dengan menghasut mereka untuk merusuh. Rusuhan berlaku bersifat *ekstrim* dan menimbulkan tanda tanya kepada polis kerana sebelum ini mereka hanya melaung "Allahu Akhbar" dan kemudian bersurai. Mereka berpusu-pusu ke kediaman rasmi Perdana Menteri dan ada percubaan untuk membakarnya. Semua ini hanya

akan mencemarkan nama baik negara kita kerana pada masa itu ramai wartawan asing berada di negara kita sempena Sukan Komenwal XVI (KL 98), insiden ini hanya akan memberi mereka lebih banyak kesempatan untuk menjatuhkan imej negara.

Penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim juga telah menimbulkan kekecohan dengan menyerbu masuk ke Ibu Pejabat UMNO di Putra World Trade Center (PWTC) dan merosakkan galeri UMNO di Aras 4. Setiausaha Agung UMNO, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata perbuatan seumpama itu tidak sepatutnya berlaku kerana galeri berkenaan menempatkan khazanah UMNO termasuk gambar-gambar terbaik yang dipilih daripada koleksi perjuangan parti itu sejak 1946.<sup>52</sup>

Sebahagian penyokongnya, yang kebanyakan terdiri daripada pelajar universiti yang telah dihasut kemudian berarak ke Ibu Pejabat UMNO yang terletak kira-kira dua kilometer dari Dataran Merdeka. Pada 8.30 malam pula, mereka berarak ke kediaman Perdana Menteri, Seri Perdana di Jalan Damansara. Kemudian mereka merancang untuk berhimpun di Bukit Jalil bagi mensabotaj Sukan Komenwal. Kaedah yang digunakan lebih berunsur keganasan apabila berhimpun secara haram, mencabar polis, menghasut, menyebarkan maklumat palsu dan fitnah serta membangkitkan api pemberontakan di kalangan anak-anak muda. Realitinya, kebenaran tidak pernah dapat diperolehi di medan perang, melalui pergaduhan, dalam sorakan para perusuh, menerusi kata-kata kesat dan teknik-teknik politik yang *primitif*.<sup>53</sup> Golongan minoriti tidak boleh dibenarkan membuat tuntutan terhadap puak majoriti dan mahu kehendak mereka dipenuhi. Kesabaran kerajaan harus ada hadnya.<sup>54</sup>

Apa kata kita teliti komen pembaca yang menulis artikel "*Demonstrasi haram hanya menimbulkan kemarahan rakyat*"

"... Anwar telah dijatuhkan hukuman penjara 6 tahun kerana salah guna kuasa dan sedang dibicarakan kerana dakwaan meliwat... Akibat demonstrasi jalanan yang mencetuskan rusuhan ganas, imej negara telah terjejas sehingga pelabur asing pada mulanya teragak-agak melabur disini."

"... Rakyat sudah jemu dengan demonstrasi dan perhimpunan haram yang seolah menjadi simbol Keadilan sejak September 1998... Mungkin Keadilan, Pas atau pun DAP akan bergembira kerana berkuasa untuk mengugat ekonomi negara."<sup>35</sup>

Satu interpretasi ringkas dapat dibuat, iaitu ternyata sekali sebarang ketidakpuasan hati akan hanya diselesaikan dengan perbincangan dan bukannya satu bentuk reformasi yang hanya akan mencemarkan nama baik negara. Ini turut diakui oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid :

" Sebagai pemimpin berjiwa rakyat, beliau tidak sepatutnya mengadakan perhimpunan seumpama itu." dan " Tindakan Anwar dan penyokong-penyokongnya amat mengecewakan rakyat dan negara seolah-olah memperlihatkan kepada masyarakat asing bahawa Malaysia tidak lagi aman," katanya.<sup>36</sup>

Pendek kata, insiden yang berlaku telah mencerminkan kepada kita bahawa negara barat mulai mengambil kesempatan untuk campurtangan di dalam politik negara. Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore yang telah memuji kebencian segelintir rakyat reformasi, semacam suara yang memihak kepada datuk Seri Anwar Ibrahim sebagaimana juga sikap Presiden Filipina, Joseph Estrada.

Desakan untuk mengadakan pilihan raya adalah bentuk *provokasi* halus barat terhadap kegawatan ekonomi dan pergolakan politik. Ianya boleh dianggap sebagai fasa terakhir bagi pihak luar untuk menjayakan apa sahaja misi mereka keatas sesebuah negara yang bermasalah, ditambah dengan kebanjiran wartawan asing yang membuat liputan terhadap permasalahan Malaysia tanpa mengira berita itu sahih atau sebaliknya. *International Monetary Fund* (IMF) dan Washington harus jangan keterlaluan menonjolkan agenda politik dan proksi mereka di

Malaysia. Lebih beruntung bagi mereka menghadkan retorika mereka kepada masalah-masalah umum sahaja.<sup>57</sup>

Sebahagian wartawan asing termasuk warganegara Malaysia yang bekerja dengan agensi media berkenaan, tidak mengambil kira soal kejayaan dan kecermelangan BN. Mereka sejak awal-awal lagi telah membuat kesimpulan yang menjelikan dan semacam menghukum rakyat Malaysia jika mereka memilih BN.<sup>58</sup>

Ketua Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategi, Universiti Malaya, Prof. Madya Mohammad Abu Bakar:

“Kecenderungan demokrasi ini adalah kesan globalisasi nilai-nilai barat, khasnya kerana keruntuhan komunisme,” dan  
“kecenderungan itu diperkukuhkan lagi oleh krisis ekonomi dalam negeri seperti yang berlaku di Indonesia,” katanya.

Beliau turut menyangkal dakwaan bahawa pertukaran kerajaan akan menjadikan sesuatu demokrasi menjadi bertambah baik.

“Rakyat yang sederhana dibelenggu oleh pelbagai sistem diktator memang mengharapkan perubahan ke arah yang lebih baik. Mereka melihat perubahan ke arah demokrasi sebagai sesuatu yang menjanjikan harapan-harapan yang dimaksudkan, samada ada perubahan itu semestinya membawa kepada pencapaian dan kemajuan sukar untuk ditentukan,” katanya.<sup>59</sup>

Bagi mengatasi semua permasalahan ini maka kerjasama semua pihak diperlukan. Pergerakan Pemuda UMNO tidak teragak-agak mengetuai gerakan bagi mengambil tindakan terhadap mana-mana ahli UMNO atau sesiapa yang masih cuba mencetuskan kekacauan di dalam negara. Menurut Naib Ketuanya, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, sesiapa yang engkar akan dikenakan tindakan tatatertib. Langkah-langkahnya ialah merancang usaha-usaha ke arah merapatkan barisan seluruh warga Pemuda demi perpaduan parti, meninjau sentimen dan pandangan anggota Pemuda peringkat akar umbi berhubung keadaan

keseluruhannya, melaksanakan program penerangan secara turun ke bawah untuk menyampaikan penjelasan kepada ahli Pemuda, mengadakan perhimpunan antara ahli Pemuda bersama pemimpin tertinggi parti bagi mendengar penjelasan sekaligus menyatakan sokongan Pemuda kepada Perdana Menteri.<sup>60</sup>

Kaedah lain yang boleh digunakan ialah pemantapan Biro Penerangan UMNO, mengakibatkan jurang pemahaman antara generasi muda dan lama dalam parti. Ketua Penerangan UMNO, Datuk Dr. Yusof Noor berkata, program penerangan ini diperkemas lagi supaya ahli-ahli mendapat maklumat yang tepat. Kekuatan sesebuah parti bergantung kepada penerangan yang disampaikan secara akar umbi, seperti di Amerika Syarikat, penerangan seumpama ini disampaikan melalui USIS (*United States Information Services*):

"Justeru, UMNO sendiri mahu mewujudkan satu sistem pendekatan yang berkesan secara profesional yang akan membabitkan semua peringkat."<sup>61</sup>

Pilihan Raya 1999, merupakan pilihan raya yang boleh dianggap genting kerana sebelum pilihan raya ini politik negara sentiasa diancam pelbagai masalah yang *kritikal*. Perjalanan pilihan raya ini diserikan lagi dengan warna-warna taktik parti pembangkang yang bergabung tenaga untuk menumpaskan BN. Bagi saya, ancaman seumpama ini dirasakan perlu untuk memantapkan lagi organisasi dan kepimpinan BN terutamanya UMNO. Sebagai komponen terbesar dalam BN, sudah tentu UMNO berusaha gigih untuk terus menaikkan pertuanan Melayu, agar dipandang tinggi oleh orang Melayu kerana ada yang berpendapat UMNO baru tidak begitu menitikberatkan pertuanan dan kekuasaan Melayu dalam politik negara setelah bergabung dalam BN.

---

## NOTA Hujung

1. *MASSA*, 13 November 1999
2. *MASSA*, 13 November 1999, 'Ramalan Kit Siang', hlm
3. *MASSA*, 13 November 1999, 'Pertempuran merebut kuasa', hlm. 13.
4. *Ibid.*, hlm. 13.
5. *Ibid.*, hlm. 13.
6. *MASSA*, 20 November 1999
7. *Ibid.*, hlm
8. *MASSA*, 20 November 1999, 'Tak puas Sembilan Hari', hlm. 15.
9. *Ibid.*, hlm. 15.
10. *MASSA*, 27 November 1999, 'Pilihanraya paling sengit', hlm. 14
11. *Ibid.*, hlm. 14.
12. *Ibid.*, hlm. 14
13. *Ibid.*, hlm. 14.
  
14. *MASSA*, 6 November 1999, 'BN Sabah bersedia', hlm.
15. *Ibid.*, hlm. 21
16. *MASSA*, 20 November 1999, 'BN Sabah mengintai 18 kerusi', hlm. 22. Lihat *Sabah, A Triumph of Democracy*.
17. *Ibid.*, hlm. 22.
18. *Ibid.*, hlm. 23.
19. *Ibid.*, hlm. 22.
20. *Ibid.*, hlm. 23.
21. *MASSA*, 20 November 1999, 'Pengaruh Ku Li dan Nik Aziz Akan diuji', hlm. 18
22. *Ibid.*, hlm. 18.
23. *Ibid.*, hlm. 19.
24. *MASSA*, 13 November 1999, 'Nik Aziz melatah lagi', hlm. 11.
25. *Ibid.*, hlm. 11.
26. *Ibid.*, hlm. 11.
27. *MASSA*, 20 November 1999, 'Jawatan Perdana Menteri, Bezanya bukan ulama dan bukan Melayu', hlm. 20.
28. *MASSA*, 27 November 1999, 'PAS: Terengganu Semakin Ghairah', hlm. 20.
29. *MASSA*, 27 November 1999, 'Terengganu: Majoriti kecil jadi penentu', hlm. 24
30. *MASSA*, 27 November 1999, 'Bila Pengundi Kelantan Buat Kejutan', hlm. 21.  
Pas mempunyai kubu kuat di beberapa kawasan DUN, misalnya di Chempaka, Pasir Pekan, Kajang, Tanjung Mas, Manek Urai dan sebagainya. Buat pertama kalinya Pas mencalonkan seorang bukan Melayu bernama Anuar Tan bertanding melawan MCA iaitu Leong Sue Siong di DUN Kota Lama.
31. *MASSA*, 27 November 1999.
32. *MASSA*, 27 November 1999, 'Kedah Jauh dari Jangkauan', hlm. 15. Lihat *MASSA*, 27 November 1999, 'Subky tersepit', hlm. 18.
33. *MASSA*, 27 November 1999.
34. *MASSA*, 27 November 1999, 'Shah Alam menyaksikan pertembungan sengit', hlm. 25-26.
35. *Ibid.*, hlm. 25-26.
36. *Utusan Malaysia*, 30 November 1999
37. *Utusan Malaysia*, 30 November 1999
38. *Utusan Malaysia*, 30 November 1999
39. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999
40. *MASSA*, 20 November 1999, 'Mahasiswa tidak berdolah dalih', hlm. 30. Lihat tuntutan pilihan raya mahasiswa
41. *MASSA*, 20 November 1999, 'Langau-langau asing berkeliaran', hlm. 24.
42. *MASSA*, 13 November 1999, 'Pertempuran Merebut kuasa', hlm. 13.
43. R.S. Milne, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm. 187.

- 
44. Syed Meor, *Pilihan raya 1986. Kekalahan Pas satu analisis*. Pas Paya Jaras, Selayang, 1986. hlm. Lihat Alias Mohammad, *Kelantan Under Pas, The Prob of ladder and corruption*, Insular Publishing House Sdn. Bhd., 1983.
  45. *MASSA*, 20 November 1999, 'Mampukah Alternatif Tumbangkan BN', hlm. 29
  46. *MASSA*, 6 November 1999, 'Belanjawan 2000, Pancing atau prihatin', hlm. 31
  47. *MASSA*, 27 November 1999, 'Padat dan meyakinkan', hlm. 30. Lihat *STAR ON LINE* 22 November 1999
  48. *STAR ON Line*, 26 November 1999.
  49. *MASSA*, 13 November 1999, 'Ops & M UMNO Terlewat', hlm. 28
  50. *Utusan Malaysia*, 23 November 1998
  51. *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1998.
  52. *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1998.
  53. *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1998.
  54. *Utusan Malaysia*, 9 April 2000
  55. *Utusan Malaysia*, 14 April 2000.
  56. *Utusan Malaysia*, 14 April 2000.
  57. *Utusan Malaysia*, 14 April 2000.
  58. *Utusan Malaysia*, 20 November 1999.
  59. *Utusan Malaysia*, 23 November 1999.
  60. *Utusan Malaysia*, 23 November 1999
  61. *Utusan Malaysia*, 23 November 1999